

Pembandingan Tahap Kekuatan Mental Atlet Lelaki dan Atlet Perempuan dalam Acara Silat Seni dan Silat Olahraga Negeri Johor

Omar Nor Abu Bakar, Syahrul Ridhwan Morazuki
Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak

Kajian ini dilakukan untuk membuat pembandingan tahap kekuatan mental antara atlet lelaki dan perempuan dalam acara silat seni dan silat olahraga untuk Majlis Sukan Negeri Johor. Seramai 27 orang atlet (16 Lelaki, 11 Perempuan) menjawab borang soal-selidik yang merangkumi 5 kriteria asas kekuatan mental iaitu kebolehbalikan dari kesilapan, kebolehan terhadap penumpuan, keyakinan dan tahap motivasi. Analisis dibuat dengan membandingkan skor keseluruhan dan membandingkan skor setiap kriteria asas kekuatan mental tersebut. Hasil dapatan kajian ini dijangka dapat memberikan gambaran tentang kekuatan mental bagi silat olahraga dan silat seni mengikut kategori lelaki dan perempuan.